

BAB 2

SAUDARA BARU DALAM ISLAM

2.0 PENDAHULUAN

Bab dua ini akan membincangkan secara teoritikal mengenai pengistilahan Saudara Baru dan kedudukan Saudara Baru atau mualaf di dalam Islam. Ia turut membicarakan mengenai beberapa faktor yang telah dikenal pasti bagi pemelukan mereka ke dalam agama Islam. Di samping itu, bab ini juga menyentuh mengenai penerusan dakwah terhadap Saudara Baru yang menjelaskan bentuk metodologi dakwah yang sepatutnya dijalankan terhadap mereka. Akhirnya bab ini mengemukakan pandangan mengenai tanggungjawab sesama Muslim yang seharusnya dijalankan terhadap Saudara Baru bagi memastikan kebajikan mereka tidak terabai.

2.1 SAUDARA BARU DALAM ISLAM

Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, saudara Muslim berketurunan Cina, India atau lain-lain masyarakat diistilahkan sebagai mualaf ataupun Saudara Baru oleh masyarakat Islam amnya dan masyarakat Melayu khasnya⁷⁴. Menurut *Kamus Dewan* edisi yang keempat mualaf bermaksud orang yang baru memeluk agama Islam⁷⁵. Amran Kasimin (1985) membawa definisi mualaf sebagai orang-orang yang dipujuk atau dijinakkan iaitu orang yang dipujuk dan dijinakkan hatinya dengan harapan dapat menguatkan pegangan mereka terhadap Islam atau orang-orang yang dipujuk supaya

⁷⁴Anuar Puteh (1999), "Program Kefahaman Islam Saudara Baru Cina di Kuala Lumpur", Tesis Sarjana Pengajian Islam, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁷⁵*Kamus Dewan Edisi keempat* (2010), : Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1046

tertarik memeluk Islam⁷⁶. Anuar Puteh (2005) dalam bukunya yang bertajuk *Masa Depan Saudara Baru:Harapan, Realiti dan Cabaran*, saudara Muslim merupakan mereka yang telah melafazkan kalimah syahadah dan golongan Muslim yang wajar diberi bimbingan dan perhatian oleh golongan yang lebih berkelayakan.

Manakala takrif lain ialah orang yang baru memeluk agama Islam, imannya belum teguh dan mereka berhak menerima sebahagian tertentu daripada harta zakat⁷⁷. Saudara Baru di dalam Islam diertikan juga sebagai segolongan manusia yang kufur dan memeluk Islam dengan melafazkan dua kalimah syahadah. Pemberian zakat kepada asnaf mualaf adalah wajib bertujuan untuk memotivasikan serta menguatkan pegangan aqidah Islamiyah yang baru dianuti⁷⁸. Selain itu dengan tumpuan perhatian, kasih sayang dan keikhlasan dalam membimbing saudara Muslim menuju kemantapan jiwa beragama, maka seterusnya akan memberi implikasi kepada kemampuan mereka dalam menjalankan kewajipan dan tanggungjawab sebagai seorang Muslim dalam kehidupan mereka⁷⁹.

Daripada huraian di atas dapat disimpulkan bahawa saudara Muslim dari segi definisi semasa adalah mereka yang dijinakkan hati untuk menerima Islam dan telah

⁷⁶ Amran Kasimin (1985), "Saudara Baru Cina di Wilayah dan Selangor", *Monograf 11*, Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM, hlm. 9.

⁷⁷ Dusuki bin Haji Ahmad (1980), *Islam Di Malaysia : Kebangkitan Dan Masa Depan*, Petaling Jaya: Pustaka al-Hilal, hlm. 12.

⁷⁸ Nur A'thiroh Masyaa'il Tan @ Tan Ai Pao (2007), "Persepsi orang Cina Non Muslim terhadap Saudara Baru Cina: Kajian kes di Kajang, Selangor", Projek Ilmiah, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁷⁹ Nur A'Thiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao Fariza Md Sham (2009), "Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim", *Jurnal Hadhar*, Bil. 2, UKM:Bangi, hlm. 86.

melafazkan dua kalimah syahadah. Pemberian zakat adalah bertujuan untuk memberi dorongan dan memantapkan lagi keislaman mereka serta beramal dengan ajaran Islam.

2.2 FAKTOR-FAKTOR PEMELUKAN ISLAM OLEH SAUDARA BARU

Tidak terdapat suatu kajian yang khusus dibuat untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong Saudara Baru memeluk agama Islam. Melalui temubual dengan beberapa orang tokoh pendakwah dari kalangan bangsa Melayu dan Saudara Baru serta penyelidikan agama,⁸⁰ didapati terdapat beberapa faktor yang menjadi pendorong kepada Saudara Baru memeluk agama Islam. Namun menurut kajian yang telah dijalankan oleh Amran Kasimin, faktor utama Saudara Baru Cina memeluk agama Islam di Kuala Lumpur dan Selangor adalah berdasarkan kepada kefahaman mereka sendiri mengenai Islam⁸¹. Walaubagaimanapun, terdapat juga faktor-faktor lain yang menjadi pendorong kepada Saudara Baru untuk memeluk Islam antaranya ialah:

i. Perkahwinan dengan orang Islam

Undang-undang Malaysia telah mewajibkan seseorang individu bukan Islam yang ingin berkahwin dengan pasangannya yang beragama Islam, perlulah memeluk Islam terlebih dahulu. Undang-undang ini adalah sama dengan negara-negara Islam yang lain dan ianya selari dengan tuntutan syariat Islam. Dengan kata lain, individu yang bukan beragama Islam dan kemudiannya memeluk agama Islam merupakan suatu

⁸⁰ Imanniah Binti Ishak (2008), "Kajian Tentang Kefahaman Terhadap Qada' dan Qadar Di Kalangan Saudara Baru Di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur" Tesis Phd, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm. 150.

⁸¹ Amran Kasimin (1985), *Saudara Baru Cina di Wilayah dan Selangor*, Bangi: Penerbitan Universiti Malaya Kebangsaan Malaysia, hlm. 95-97.

anugerah dan hidayah yang telah dikurniakan oleh Allah SWT kepada mereka melalui jalan perkahwinan.

Walau bagaimanapun, Haji Ann Wan Seng seorang tokoh pendakwah di tanah air kita yang lahir daripada kalangan Saudara Baru menegaskan bahawa pemeluk agama Islam ini bukanlah hanya bertujuan bagi mengahwini seseorang Islam, tetapi seseorang itu perlulah kekal serta istiqamah sehingga ke akhir hayatnya untuk menjaga status sebagai seorang Muslim dan suami isteri yang sah di sisi agama Islam.⁸²Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kebanyakan Saudara Baru yang memeluk agama Islam melalui jalan perkahwinan biasanya melibatkan perkahwinan dengan orang Melayu Islam atau sesama Saudara Baru. Perkahwinan sesama Saudara Baru adalah seperti seorang Saudara Baru tempatan atau berwarganegara Malaysia mengahwini pasangannya juga seorang Saudara Baru berwarganegara Malaysia, Saudara Baru tempatan yang mengahwini Saudara Baru dari kalangan warga asing dan perkahwinan sesama Saudara Baru dari kalangan warga asing. Faktor perkahwinan inilah menyebabkan ramai orang yang bukan beragama Islam memeluk agama Islam untuk membolehkan mereka mengahwini pasangan mereka yang beragama Islam.⁸³Namun begitu, seseorang Saudara Baru juga tidak menolak ketentuan takdir sekiranya jodoh mereka dipertemukan oleh Allah S.W.T. dengan orang bukan Islam. Ini membuktikan bahawa faktor perkahwinan juga salah satu faktor yang mendorong seseorang memeluk agama Islam.⁸⁴

⁸² Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22hb Mac 2010 di Pejabat MACMA, Jln. Ipoh, Kuala Lumpur, jam 5.00 petang.

⁸³ Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22hb Mac 2010 di Pejabat MACMA, Jln. Ipoh, Kuala Lumpur, jam 5.00 petang.

⁸⁴ Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh, Ahmad Redzuan (2004), *Islam Dan Saudara Kita*, Shah Alam: Unit Dakwah Saudara Kita, Jabatan Agama Islam Selangor dengan kerjasama Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 36.

ii. Pergaulan dan Persahabatan.

Faktor pergaulan dan persahabatan di antara seseorang individu atau kumpulan dengan mereka yang beragama Islam juga menjadi salah satu punca berlakunya pemeluk agama Islam. Ada kalanya pergaulan mereka bermula sejak kecil lagi dan hubungan yang terjalin di antara mereka begitu rapat sehingga lama kelamaan mereka tertarik dengan cara kehidupan orang Islam setempat terutamanya bagi mereka yang mendiami kawasan perkampungan yang majoriti penduduknya adalah Melayu Islam, sebagaimana yang terjadi kepada Dr Riduan Tee Abdullah dan adiknya Ahmad Borhan Tee Abdullah.⁸⁵ Seseorang individu atau masyarakat yang beragama Islam yang mencampuri bangsa lain yang bukan beragama Islam dengan sifat-sifat Islam yang sungguh murni dan terpuji seperti baik, berbudi bahasa, suka tolong menolong, hormat menghormati, jujur, amanah, rajin dan sebagainya dapat menjadi daya tarikan kepada orang-orang bukan Islam untuk memeluk agama Islam.⁸⁶

iii Persekitaran tempat tinggal

Menerusi wawancara dengan tokoh agama Islam PERKIM dari kalangan Saudara Baru, Haji Muhammad Fitri bin Abdullah bertempat di Konvensyen Saudara Baru di Masjid Wilayah Persekutuan pada tanggal 30 November 2010, beliau telah mengatakan bahawa seseorang bukan beragama Islam yang tinggal di kawasan yang persekitarannya terdiri daripada ramai yang beragama Islam, juga merupakan salah satu

⁸⁵ Abdullah Yusof, Ph.D & Siti Nor Aisyah Binti Ngadiran (9-10 Okt 2010), “dalam Peranan Badan Kerajaan Dan NGO Dalam Membantu Menangani Cabaran Saudara Kita ”. *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita Isu Dan Cabaran Semasa*, Pulau Pinang: Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, hlm. 517.

⁸⁶ Temubual dengan pelajar kelas bimbingan agama, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 15.03.2010 jam 3.00 petang.

faktor yang membuat seseorang memeluk Islam. Situasi ini berlaku kerana seseorang Saudara Baru boleh tertarik dengan budaya hidup masyarakat setempat dan seterusnya membuka minda mereka untuk berfikir tentang kelebihan dan kelemahan agama asal mereka berbanding dengan agama Islam. Peluang untuk memeluk agama Islam adalah terlalu dekat dan mudah. Masyarakat setempat yang beragama Islam mengamalkan gaya hidup budaya Islam seperti tolong menolong antara satu sama lain, hormat menghormati jiran tetangga tanpa mengira bangsa, bertolak ansur dalam semua perkara, bersikap jujur, amanah, rajin, sentiasa mendirikan solat dan menghindari perbuatan-perbuatan yang negatif seperti fitnah-memfitnah, dengki, sombong, kedekut, memusuhi jiran tetangga, pemalas, mencuri, tidak amanah dan sebagainya boleh mendorong atau timbul perasaan untuk memeluk Islam di kalangan masyarakat bukan Islam⁸⁷. Oleh yang demikian amatlah penting untuk semua orang Islam mengamalkan budaya hidup Islam yang sepenuhnya untuk mencerminkan ajaran agama Islam yang sebenar kepada penganut agama lain.

iv Kebenaran agama Islam

Ramai individu bukan Islam juga yang memeluk agama Islam kerana kebenaran agama Islam itu sendiri. Kepercayaan kepada Tuhan yang Maha Esa iaitu Allah S.W.T. dan Nabi Muhammad S.A.W. sebagai pesuruh Allah S.W.T. boleh diterima oleh akal fikiran mereka.⁸⁸ Keajaiban al-Qur'an sebagai kalimah Allah S.W.T. dengan ayat-ayat yang menakjubkan serta isi kandungan al-Qur'an yang tidak berubah sejak dahulu lagi

⁸⁷ Suraya Sintang (2012), "Dialog Kehidupan Dalam Pengalaman Saudara Baru di Sabah", Tesis Phd, Kuala Lumpur: Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, hlm 189-190.

⁸⁸ Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010, jam 10.00 pagi

serta mukjizat-mukjizat al-Qur'an yang lain dapat melahirkan perasaan ingin tahu dan kagum di kalangan orang yang bukan beragama Islam sehingga al-Qur'an dijadikan sebagai kajian.⁸⁹ Selain itu, di dalam al-Qur'an juga telah dinyatakan bahawa Allah telah mengiktiraf agama Islam seperti mana firman Allah S.W.T. dalam surah Ali' Imran ayat ke-19.⁹⁰

فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ
 يُضِلَّهُ يَجْعَلْ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصْعَدُ فِي السَّمَاءِ
 كَذَلِكَ يَجْعَلُ اللَّهُ الرِّجْسَ عَلَى الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai ugama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada Dalam kalangan mereka. dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka Sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabNya.

(Surah Ali' Imran 2:19)

Terdapat banyak peristiwa atau kejadian yang berlaku di dunia ini dan ianya telah ada di dalam al-Qur'an. Perkara ini dapat menambahkan lagi kepercayaan mereka tentang

⁸⁹ Temubual dengan wakil Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Nik Esmeera bt. Nik Mustapha, 11hb Mac 2010, jam 10.00 pagi.

⁹⁰ Surah Ali Imran ayat ke-19, Tafsir Pimpinan AR-RAHMAN kepada Pengertian Al'Quran, Mei 2001

kebenaran al-Qur'an antaranya seperti Firman Allah S.W.T berkenaan sekatan antara dua laut yang bertembung melalui ayat berikut:

﴿ وَهُوَ الَّذِي مَرَجَ الْبَحْرَيْنِ هَذَا عَذْبٌ فُرَاتٌ وَهَذَا مِلْحٌ أُجَاجٌ
وَجَعَلَ بَيْنَهُمَا بَرْزَخًا وَحِجْرًا مَّحْجُورًا ﴾

Dan Dia lah Tuhan yang telah mengalirkan dua laut berdampungan, yang satu tawar lagi memuaskan dahaga, dan yang satu lagi masin lagi pahit; serta Ia menjadikan antara kedua-dua laut itu sempadan dan sekatan yang menyekat percampuran keduanya.

(Surah al' Furqan ayat 53)

Menurut Ustaz Haji Muhammad Fitri bin Abdullah, para saintis moden menyedari kewujudan sekatan antara dua laut iaitu laut Atlantic dan laut Mediterranean yang tidak bercampur antara satu sama lain apabila bertembung. Penemuan peristiwa ini dalam al-Qur'an menarik perhatian orang-orang bukan Islam terhadap ayat-ayat al-Qur'an kerana ayat-ayat al-Qur'an ini diturunkan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad S.A.W pada zaman dahulu tetapi para pengkaji dan saintis hanya menemuinya buktinya pada zaman moden ini.⁹¹

⁹¹ Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010.

v. **Mimpi**

Menurut Tuan Haji Ann Wan Seng tokoh pendakwah tanah air dari persatuan MACMA, terdapat juga segelintir Saudara Baru yang memeluk agama Islam setelah di kurniakan hidayah Islam melalui mimpi seperti mimpi perkara yang aneh mengenai keistimewaan Islam dan mengamalkan amalan-amalan yang terdapat dalam agama Islam. Hidayah melalui mimpi ini adalah satu kurniaan dan anugerah Allah S.W.T. kepada mereka yang dikehendaki-Nya. Biasanya istilah mimpi selalu dikaitkan dengan mainan tidur atau bisikan syaitan untuk memperdayakan manusia supaya leka dan lalai dengan perintah Allah S.W.T. Namun bagi golongan nabi dan rasul, mimpi adalah salah satu perantaraan Allah S.W.T. untuk menyampaikan wahyu kepada umat manusia. Oleh yang demikian, seseorang yang bukan Islam yang mendapat hidayah melalui mimpi ini merupakan insan yang terpilih dan istimewa di sisi Allah kerana nikmat tersebut merupakan salah satu daripada kekuasaan Allah S.W.T.⁹²

Seseorang Saudara Baru yang mendapat hidayah dari medium ini biasanya akan mengalami mimpi yang sama dengan adanya unsur-unsur Islam beberapa kali. Hal ini akan membuatkan mereka berfikir mengenai mimpi yang dialami yang kemudiannya akan mendorong mereka untuk mencari kebenaran tentang perihal mimpi tersebut. Lazimnya seseorang Saudara Baru yang ingin tahu kebenaran tentang mimpi ini akan merujuk perihal mimpi mereka kepada orang-orang Islam seperti kawan, cikgu, jiran, imam serta berusaha mencari dan mendapatkan maklumat melalui buku-buku agama, internet dan lain-lain lagi. Antara contoh mimpi yang dialami oleh Saudara Baru adalah

⁹² Temubual dengan pegawai MACMA, Haji Ann Wan Seng pada 22hb Mac 2010 di Pejabat MACMA, Jln. Ipoh, Kuala Lumpur, jam 5.00 petang.

seperti melihat mereka sedang sembayang seperti orang Islam, membaca al-Qur'an atau orang lain sedang membaca al-Qur'an, mimpi melihat kalimah Allah S.W.T, mimpi melihat Kaabah, mimpi mengenai orang-orang Islam yang menceritakan kebesaran Islam, mendengar azan dan lain-lain.⁹³

vi. Membuat Perbandingan Agama

Terdapat juga beberapa individu Saudara Baru memeluk agama Islam setelah membuat perbandingan agama. Biasanya, mereka membandingkan agama asal mereka dengan beberapa agama lain. Sebagai contoh, penganut agama Hindu membandingkan antara agama Hindu dan Islam, caranya dengan membanding dan menilai antara kitab Veda dan al-Qur'an. Hasil dari perbandingan dan penilaian secara mendalam terhadap al-Qur'an dan kitab Veda tersebut mendapati terdapat 14 tempat dalam kitab Veda tercatat nama Nabi Muhammad S.A.W atau *ahmadihi* (istilah dalam kitab Veda).^{94, 95} Menurut Ustaz Haji Muhammad Fitri bin Abdullah, kebanyakan penganut agama Hindu tidak tahu membaca kitab Veda, sebaliknya mereka hanya mendapatkan terjemahan kitab tersebut dalam pelbagai bahasa. Ini disebabkan oleh kerana orang-orang Hindu tidak mendapat penekanan untuk membaca Veda sejak kecil lagi. Malahan, kitab Veda ini biasanya dibaca dan dipelajari serta dimonopoli oleh orang-orang daripada kasta Brahmin saja.⁹⁶ Menurut Ustaz Haji Muhammad Fitri, beliau berasal daripada kaum Brahmin dan orang-

⁹³ Abdullah Yusof dan Siti Nor Aisyah Binti Ngadiran (9-10 Okt 2010), "Peranan Badan Kerajaan Dan NGO Dalam Membantu Menangani Cabaran Saudara Kita", *.Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita Isu Dan Cabaran Semasa*, Pulau Pinang: Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, hlm. 517.

⁹⁴ Berdasarkan pengalaman dan pemerhatian penulis sendiri sebelum penulis memeluk agama Islam.

⁹⁵ Berdasarkan pengalaman penulis sebagai seorang penganut agama Hindu sebelum memeluk agama Islam, dimana penulis mendapati dirinya, keluarganya, kawan-kawanya serta majoriti orang Hindu tidak tahu baca kitab Veda.

⁹⁶ Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

orang Brahmin tidak akan mengajarkan Veda kepada orang-orang Hindu dari kasta-kasta lain.⁹⁷ Apabila dibandingkan dengan agama Islam, terdapat jurang yang ketara antara kedua-duanya. Islam telah mewajibkan orang-orang Islam membaca al-Qur'an dan ianya tidak terbatas kepada mana-mana golongan dan peringkat umur untuk membaca serta mempraktikkan seruan Allah S.W.T tersebut dalam kehidupan seharian mereka. Hal tersebut menjadikan Islam sebagai satu kelebihan dan istimewa pada pandangan orang yang bukan Islam. Selain itu juga, terdapat banyak hal-ehwal yang berkaitan praktikal sembahyang cara Hindu yang hanya diketahui oleh golongan Brahmin sahaja. Akibatnya timbul rasa tidak puas hati dalam kalangan penganut Hindu yang berketurunan kasta yang lain. Sebaliknya, Islam telah menolak secara total amalan kasta dan menekankan hakikat manusia yang mulia di sisi Allah S.W.T. adalah mereka yang beriman dan bertaqwa kepadaNya.⁹⁸ Islam mewajibkan semua penganut Islam tidak kira bangsa, rupa, keturunan, umur, status dalam masyarakat dan lain-lain mestilah membaca dan mempraktikkan al-Qur'an dalam diri mereka setiap masa. Berbanding dengan agama lain, Islam memuliakan sesiapa yang mempelajari al-Qur'an dan kemudiannya mengajarkan kepada orang ramai seperti yang dinyatakan dalam hadith Nabi.⁹⁹

Di dalam agama Kristian pula terdapat pelbagai kitab Injil (Bible) mengikut gereja dan fahaman Kristian masing-masing seperti fahaman Kristian Katolik mempunyai kitab Injil tersendiri dan berbeza dengan fahaman Kristian Orthodox dan gereja

⁹⁷ Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

⁹⁸ Berdasarkan pengalaman dan pemerhatian penulis sejak kecil ketika masih beragama Hindu dan belum lagi memeluk agama Islam.

⁹⁹ Ustaz Ismail Mahmood(1989),Adab-Adab Berkaitan Dengan Al'Quran terbitan Al'Rahmaniah.

Methodist. Malah kandungan kitab Injil ini pula berbeza di antara satu sama lain¹⁰⁰. Fenomena ini amat berbeza di dalam Islam di mana semua masjid atau pengikut mazhab yang berlainan menggunakan kitab al-Qu'ran yang sama dari segi kandungan surah dan ayat dari awal hingga ke sekarang dan pada zaman akan datang.¹⁰¹

Kepercayaan kepada satu tuhan dan bukan pelbagai tuhan mudah diterima oleh akal fikiran manusia. Agama Islam menekankan konsep pembentukan akidah dan akhlak yang baik untuk menjadi seorang yang beriman dan bertaqwa juga berbeza dengan agama-agama lain yang tidak menekan soal akidah dan akhlak. Selain amalan solat, berpuasa, zakat, menunaikan haji, pergaulan sesama manusia, amalan mandi, makan, minum semuanya diberikan penekanan dan diajar dalam Islam berpandukan kepada al-Qur'an dan Hadith yang tidak wujud dalam agama-agama lain. Ini dapat dilihat pada tatacara dan adab makan yang betul seperti membasuh tangan, membaca Bismillah, duduk, makan dengan tangan kanan dan sebagainya. Begitu juga dengan adab masuk tandas, bersetubuh, berkenderaan, tidur, keluar rumah, masuk rumah, adab berjiran, dan adab-adab lain yang secara terperinci diperjelaskan dalam Islam. Namun, adab-adab tersebut tidak diajar dan diberi penekanan di dalam agama lain.¹⁰² Hal ini juga merupakan salah satu faktor yang mendorong dan menarik minat orang bukan Islam untuk memeluk Islam.

¹⁰⁰ Abdush Shomad Sirait (1994), *Dakwah Muallaf*, Kuala Lumpur: Kintan Sdn Bhd., hlm. 11.

¹⁰¹ Firman Allah di dalam Surah Ali Imran 2:103: "Dan hendaklah kamu sekalian berpegang kepada kitab Allah".

¹⁰² Suraya Sintang (2012), *op.cit.*, hlm 217.

vii. Agama Universal

Islam adalah agama yang universal dan sejagat untuk semua manusia di muka bumi. Islam untuk semua bangsa yang hidup di dunia ini dan tiada individu atau kumpulan yang boleh mendakwa agama ini adalah kepunyaannya. Malah orang-orang Arab yang mula-mula memeluk Islam dengan adanya seorang Rasul daripada keturunan mereka yang ulung dan dianggap kekasih Allah S.W.T. iaitu Nabi Muhammad S.A.W, mereka tidak pernah mendakwa atau menganggap bahawa agama Islam adalah kepunyaan mereka. Orang-orang Arab menerima agama Islam dan mengakui agama Islam untuk manusia sejagat dari pelbagai bangsa dan etnik dan perlu dikembangkan keseluruh dunia. Usaha mengembangkan ajaran Islam ini berlaku sejak zaman Nabi Muhammad S.A.W. lagi. Hal ini dapat dilihat apabila banyak rombongan dakwah Islamiah yang telah melakukan usaha dakwah di Tanah Arab dan luar negara sehingga ke benua Eropah dan Asia.¹⁰³ Bahkan Allah SWT juga telah berfirman di dalam al-Qur'an bahawa *Sesungguhnya agama yang diredhai oleh Allah adalah agama Islam.*¹⁰⁴ Namun, hakikat ini berlainan dengan agama Yahudi di mana bangsa Yahudi menganggap mereka adalah bangsa yang terpilih dan merupakan anak tuhan¹⁰⁵ serta menganggap bahawa agama Yahudi hanyalah untuk bangsa Yahudi sahaja sehingga mereka tidak membenarkan penganut atau bangsa lain daripada memasuki tempat-tempat ibadat mereka.¹⁰⁶ Keadaan ini berlainan dalam agama Islam di mana ajaran Islam menjemput ramai orang supaya memeluk Islam dan mana-mana bangsa yang beragama Islam boleh

¹⁰³ Temubual dengan pegawai di Caw.Saudara Baru Jawi, Nik Esmeera bt. Nik Mustapha, 11hb Mac 2010, jam 10.00 pagi.

¹⁰⁴ Surah Ali Imran ayat ke-19, Tafsir Pimpinan AR-RAHMAN kepada Pengertian Al'Quran, Mei 2001

¹⁰⁵ Surah Al-Maidah ayat 18 yang bermaksud : "Orang Yahudi dan Nasrani berkata : Kami adalah anak-anak Allah dan kekasih-kekasihNya..."

¹⁰⁶ Sintang (2012), *op.cit.*, hlm. 209.

beribadat di tempat-tempat ibadat Islam seperti masjid, surau, madrasah, dan juga di tempat-tempat suci seperti di Mekah, Masjid Nabawi dan Masjid di Baitulmaqdis.¹⁰⁷ Walaupun agama Islam banyak berkisah kepada orang-orang Arab dan kehidupan orang-orang Arab zaman dahulu, namun bangsa Arab tidak boleh mendakwa yang agama Islam ini adalah kepunyaan mereka. Kesejagatan Islam ini telah dinyatakan oleh Allah S.W.T. dalam al-Qur'an seperti berikut:¹⁰⁸

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

(Surah al-Anbiya' 21: 107)

Dalam ayat lain Allah SWT telah berfirman:¹⁰⁹

قُلْ يَتَّيِبُهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ
مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَآمِنُوا
بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ
وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٨﴾

¹⁰⁷ Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA Jln. Ipoh, Kuala Lumpur jam 5.00 petang. Lihat juga dalam *T'lam al-Sajid bi Ahkam al-Masajid*. karangan Imam Badr al-Din Muhammad Bin Bahdirin al-Zarkashi al-Shafi'i (1995), Beirut, Lubnan: Dar al-Kitab al-Ilmiyah, hlm. 34.

¹⁰⁸ Surah al-Anbiya ayat ke-107, Tafsir Pimpinan AR-RAHMAN kepada Pengertian Al'Quran, Mei 2001

¹⁰⁹ Surah al-A'raf ayat ke-158, Tafsir Pimpinan AR-RAHMAN kepada Pengertian Al'Quran, Mei 2001

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya Aku adalah pesuruh Allah kepada kamu semuanya, (di utus oleh Allah) yang Menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia; yang menghidupkan dan mematikan. oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, Nabi yang Ummi yang beriman kepada Allah dan Kalimah-kalimahNya (Kitab-kitabNya); dan ikutilah Dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk".

(Surah al-A'raf 7:158)

Menurut Ustaz MD.Tahir bin MD. Yusof, ayat-ayat tersebut menjelaskan bahawa Rasullulah S.A.W. membawa utusan daripada Allah S.W.T. bukan hanya untuk jajahan Arab saja tetapi meliputi ke seluruh dunia.¹¹⁰ Berbanding dengan agama lain misalnya agama Yahudi hanya dianuti oleh orang-orang Yahudi sahaja, manakala agama Hindu pula tertumpu di kawasan Asia seperti India dan sedikit di Asia Selatan. Begitu juga dengan agama Buddha tidak boleh dianuti sesuka hati oleh orang ramai.¹¹¹ Namun, terdapat perbezaan yang ketara di antara agama-agama tersebut dengan ajaran Islam yang bersifat universal serta ajarannya boleh diterima oleh akal fikiran manusia sebagai agama Tuhan yang benar dan tidak meletakkan syarat untuk memeluk Islam. Oleh yang demikian ramai Saudara Baru yang memeluk Islam kerana tertarik kepada faktor ini.¹¹²

¹¹⁰ Temubual dengan tenaga pengajar di Kelas Bimbingan agama Islam untuk Saudara Baru di JAWI Kuala Lumpur Ustaz MD.Tahir bin MD. Yusof, di JAWI pada 15.03.2010, jam 2.30 petang

¹¹¹ Temubual dengan tenaga pengajar di Kelas Bimbingan agama Islam untuk Saudara Baru di JAWI Kuala Lumpur Ustaz MD.Tahir bin MD. Yusof, di JAWI pada 15.03.2010, jam 2.30 petang

¹¹² Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22hb Mac 2010 di Pejabat MACMA, Jln. Ipoh Jam 5.00 petang.

viii. Faktor Tiada agama

Faktor tiada agama dalam kehidupan seharian seseorang juga menyebabkan seseorang mudah menerima Islam.¹¹³ Sebelum memeluk agama Islam golongan ini tidak percaya kepada mana-mana agama, mereka tidak melakukan apa-apa ibadah atau pergi ke tempat-tempat ibadah dan melakukan ritual. Mereka tidak percaya kewujudan tuhan. Di Malaysia, hal ini dapat dilihat pada kebanyakan orang Asli yang tidak mempunyai agama. Walaupun orang Asli tidak beragama, tetapi mereka masih percaya kepada beberapa kepercayaan nenek moyang yang mereka amalkan secara turun temurun.¹¹⁴Kepercayaan ini berbeza dengan ajaran Islam bahawa sesuatu musibah dan nikmat itu datang daripada Allah S.W.T. dan kepadaNya tempat untuk mengadu. Hal ini dapat menjadikan mereka untuk berfikir tentang wujudnya Tuhan .¹¹⁵

ix. Faktor Ikut-Ikutan

Faktor ini merupakan di antara salah satu faktor yang menyebabkan ramai Saudara Baru memilih Islam. Ada di antara mereka mempunyai latar belakang yang sama seperti dari segi suku kaum, pekerjaan, status diri dan lain-lain. Jika seseorang itu dihormati dan disegani dalam sesuatu masyarakat setelah mereka memeluk agama Islam,

¹¹³ Temubual dengan tenaga pengajar di Kelas Bimbingan agama Islam untuk Saudara Baru di JAWI Kuala Lumpur Ustaz MD.Tahir bin MD. Yusof, di JAWI pada 15.03.2010, jam 2.30 petang.

¹¹⁴ Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Abdul Ghafar Haji Don (2010), "Kepercayaan animisme masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia", *Jurnal Al-Hikmah*, hlm. 119-125.

¹¹⁵ Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22hb Mac 2010 di Pejabat MACMA, Jln. Ipoh, Kuala Lumpur, jam 5.00 petang.

maka yang lain akan turut sama memeluk agama Islam.¹¹⁶ Menurut Haji Ann Wan Seng, apabila timbul perasaan ikhlas dalam menganut agama Islam, seseorang itu akan berusaha untuk memantapkan lagi pegangannya terhadap Islam dengan mempelajari ilmu Islam dengan tekun dan bersungguh-sungguh sehingga berjaya sebagai seorang mukmin.¹¹⁷ Namun, apabila keikhlasan ini tidak wujud dalam diri seseorang Saudara Baru dan ianya hanya memeluk agama Islam sekadar ikut-ikutan, maka ia akan menimbulkan masalah seperti tidak mahu mempelajari agama Islam dan menerapkan nilai-nilai murni Islam dalam kehidupannya.¹¹⁸ Setelah menerima Islam mereka masih lagi mengamalkan lagi perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan Islam yang menjadi budaya dalam agama asal mereka seperti berjudi, minum arak dan kadang-kadang mengamalkan penyembahan dewa-dewa. Akibatnya, mereka enggan untuk mempelajari Islam dan ada di antara mereka telah kembali kepada agama asal mereka secara senyap-senyap. Ini membuktikan mereka memeluk agama Islam dalam keadaan tidak ikhlas dan hanyalah sekadar ikut-ikutan saja.¹¹⁹

x. Faktor Keinginan Sendiri.

Menurut Haji Ann Wan Seng dan beberapa pelajar di kelas bimbingan agama Islam di JAWI mengatakan terdapat juga beberapa individu dalam kalangan Saudara

¹¹⁶ <http://athiroh-ukm.blogspot.com/2008/02/faktor-faktor-saudara-baru-memilih.html>. Dilayari pada 24 Julai 2012, 1:50 p.m.

¹¹⁷ Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22hb Mac 2010 di Pejabat MACMA, Jln. Ipoh, Kuala Lumpur, jam 5.00 petang.

¹¹⁸ Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

¹¹⁹ Temubual dengan pegawai MACMA, Haji Ann Wan Seng pada 22hb Mac 2010 di Pejabat MACMA, Jln. Ipoh, Kuala Lumpur, jam 5.00 petang.

Baru yang memeluk agama Islam kerana faktor keinginan yang lahir dari diri sendiri untuk mencari kebenaran jiwa yang ingin mencari sinar baru kerana merasakan tiada keserasian jiwa dengan agama asal mereka. Justeru setelah mengenal agama Islam dan memahami ajarannya, mereka dengan rela hati memeluk agama Islam.^{120, 121} Keindahan Islam dari pelbagai aspek seperti adanya syurga dan neraka, keindahan pertuturan, kehidupan dunia dan akhirat, kejadian alam dan lain-lain menambahkan lagi keinginan mereka untuk memeluk Islam¹²².

xi. Faktor Kebendaan.¹²³

Memang tidak dapat dinafikan terdapat juga penganut agama lain yang memeluk agama Islam bukan kerana ikhlas dan atas kesedaran kebenaran Islam, sebaliknya untuk mendapatkan sesuatu seperti menikmati hak-hak orang Melayu, harta, pangkat, bantuan kewangan, pekerjaan, hak kerakyatan dan sebagainya. Golongan ini berpura-pura memeluk agama Islam dan melakukan sesuatu ibadah dengan hati yang tidak ikhlas. Walaupun mereka bersama dengan umat Islam tetapi hati mereka tetap bersama dengan agama asal. Apabila golongan ini bersama dengan individu Muslim, mereka melakukan apa yang dibuat oleh umat Islam lain seperti solat, puasa dan lain-lain. Apabila mereka berada dalam golongan agama asal, mereka akan melakukan aktiviti-aktiviti yang sama seperti yang terdapat dalam agama asal mereka. Golongan ini dilabelkan oleh Islam

¹²⁰ Abdullah Yusof dan Siti Nor Aisyah Binti Ngadiran (9-10 Okt 2010), *op.cit.*, hlm. 517.

¹²¹ Temubual dengan pelajar kelas bimbingan agama, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, jam 3.00 petang.

¹²² Temubual dengan pegawai MACMA, Haji Ann Wan Seng pada 22hb Mac 2010 di Pejabat MACMA, Jln. Ipoh, Kuala Lumpur, jam 5.00 petang.

¹²³ Lihat Amran Kasimin (1985), *op.cit.*, hlm. 96-97. Menurut Amran Kasimin, terdapat beberapa faktor yang mendorong untuk mereka memeluk Islam, antaranya untuk memperolehi hak-hak keistimewaan yang dikhaskan kepada bangsa Melayu, untuk mendapatkan taraf kerakyatan, untuk memudahkan mendapatkan pasport antarabangsa dan lain-lain lagi.

sebagai golongan munafik, tetapi oleh kerana hati atau akal manusia tidak dapat menilai seseorang itu munafik atau tidak, maka individu atau orang seperti ini biasanya dapat menghindarkan diri daripada dikesan oleh orang Muslim sebagai seorang yang munafik.¹²⁴ Golongan ini telah dijanjikan oleh Allah S.W.T. dengan azab yang pedih.

Walaupun bagaimanapun, terdapat juga di antara Saudara Baru yang pada mulanya memeluk Islam kerana berkehendakkan sesuatu. Tetapi apabila ia telah bersama-sama dengan umat Islam dan belajar agama Islam dan secara tak langsung tahu kebenaran Islam, niatnya boleh berubah iaitu dia boleh tertarik kepada ajaran Islam dan sedia mengucap dua kalimah syahadah sekali lagi dengan hati yang ikhlas. Individu ini akan mula belajar agama Islam secara bersungguh-sungguh untuk mendapat ganjaran yang baik di akhirat nanti.¹²⁵

xii. Faktor Pendakwah dan Badan-badan Dakwah.

Menurut dua pendakwah PERKIM iaitu Ustaz Haji Muhammad Fitri bin Abdullah dan Ustaz Haji Amran bin Abdullah, faktor pendakwah dan badan-badan dakwah dari agensi kerajaan dan swasta juga telah memainkan peranan yang penting dalam menarik perhatian non Muslim tertarik dengan ajaran Islam dan menerima agama Islam sebagai agama Baru mereka. Menurut mereka juga di Malaysia terdapat banyak usaha dakwah dilakukan dengan pelbagai cara dan di merata tempat. Aktiviti- aktiviti

¹²⁴ Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA Jln. Ipoh ,Kuala Lumpur jam 5.00 petang.

¹²⁵ Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA Jln. Ipoh ,Kuala Lumpur jam 5.00 petang.

seperti sambutan hari keluarga, sambutan Hari Raya Aidil Fitri, pertandingan al-Qur'an, majlis berbuka puasa, majlis dialog agama dan media massa dan sebagainya memberikan banyak pendedahan dan maklumat mengenai nilai-nilai murni Islam kepada orang ramai. Secara tak langsung perkara ini menarik perhatian mereka yang bukan Islam untuk mengetahui dan memahami Islam sehingga ada yang telah memeluk agama Islam.^{126, 127}

2.3 METODOLOGI DAKWAH KEPADA SAUDARA BARU

Konsep pengurusan dakwah terhadap Saudara Baru yang boleh diketengahkan adalah konsep dan gaya pengurusan *Ilahi* atau *Rabbani* yang bertujuan mentadbir kehidupan serta perundangan yang amat sesuai bagi masyarakat seperti yang telah diketahui oleh umat manusia semenjak diutuskan Nabi Muhammad S.A.W kepada seluruh manusia. Penyampaian ini memerlukan kepada pelbagai pendekatan dengan harapan sasaran dakwah akan memahaminya dan seterusnya mengamalkan dalam kehidupan¹²⁸.

Antara konsep-konsep pengurusan dakwah yang perlu diamalkan adalah seperti memastikan ketertiban dan keteraturan perjalanan hidup Saudara Baru, menyerlahkan kemanfaatan alam untuk dinikmati oleh Saudara Baru. Sebagai contoh menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan secepat mungkin agar mereka tidak merasa

¹²⁶ Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

¹²⁷ Temubual dengan pendakwah PERKIM Ustaz Amran bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

¹²⁸ Anwar al Jundi (2001), *Kejatuhan Ideologi Materiasme Dan Agenda Pengisian Islam*, (terj.) Rosli Alias, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah, hlm. 3.

terbeban dengan kehidupan baru mereka. Selain itu kita juga tidak boleh mengabaikan golongan yang kurang berkemampuan kerana kebanyakan mereka yang baru memeluk agama Islam akan dibuang keluarga dan akan kehilangan kesemua harta mereka¹²⁹.

Pertubuhan-pertubuhan kerajaan dan swasta memainkan peranan penting dalam usaha dakwah Islamiah dan kebajikan masyarakat di Malaysia, terutamanya dakwah kepada para Saudara Baru. Contohnya PERKIM melalui Cogan kata “Islam Itu Persaudaraan” menjadi paksi yang harus difahami, dihayati dan dipraktikkan.¹³⁰ Ini jelas membuktikan PERKIM berusaha untuk menyatupadukan umat Islam khususnya ahli-ahli dan masyarakat setempat amnya. Begitu juga lain-lain pertubuhan iaitu pertubuhan kerajaan mahupun swasta sama-sama berusaha sungguh-sungguh untuk membantu memantapkan pegangan Islam dalam kalangan Saudara Baru melalui program-program dakwah dengan pelbagai metode atau cara.

Di antara metode dakwah yang dilakukan oleh PERKIM dan pertubuhan – pertubuhan lain kepada Saudara Baru, juga kepada Muslim dan non Muslim adalah dakwah melalui pendidikan, dakwah melalui kebajikan dan dakwah melalui penerbitan.

131

¹²⁹ Mohammad Shukri Draman (2010), “Pengurusan Dakwah Terhadap Saudara Baru : Kajian di Pejabat Agama Islam Daerah Klang Selangor Darul Ehsan”, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Islam, Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm.50-53.

¹³⁰ Nur A’thiroh Masyaa’il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao, Dato’ Hj. Hasbullah L.Isa dan Dr. Fakrul Adabi Abdul Kadir, “Metodologi Dakwah Islamiah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kebangsaan Kepada Saudara Kita: Satu tinjauan Literatur”, *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita Isu Dan Cabaran Semasa*, hlm. 168

¹³¹ Nur A’thiroh Masyaa’il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao, Dato’ Hj. Hasbullah L.Isa dan Dr. Fakrul Adabi Abdul Kadir. *Op.cit.*, hlm. 168

2.3.1 Dakwah Islamiah

Pertubuhan-pertubuhan kerajaan dan swasta yang memainkan peranan penting dalam memantapkan pegangan agama Islam dalam kalangan Saudara Baru telah menganjurkan pelbagai program dakwah Islamiah. Antaranya, program Metodologi Dakwah Saudara Baru Muslim Cina Peringkat Kebangsaan bertempat di D'Nelayan Beach Resort, Masjid Tanah, Melaka pada 6 hingga 8 Ogos 2010. Program ini bertujuan untuk melahirkan saudara kita yang mantap pengetahuan agama Islam, berkualiti dan cemerlang. Dengan adanya bantuan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), program ini berjaya menghimpunkan seramai 89 peserta saudara Muslim Cina dari negeri Pahang, Kelantan, Terengganu, Kuala Lumpur, Melaka, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor.

Selain itu Bahagian Pembangunan Insan (BPI), MAIS dan semua Unit-Unit pembangunan Insan Pejabat-Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) juga telah mengadakan Kursus Perkaderan Dakwah yang dilaksanakan di El-Azhar Camp, Pantai Morib, Banting, Kuala Langat bagi memberi pendedahan kepada Saudara Baru mengenai tanggungjawab seorang Muslim¹³².

¹³² Mohammad Shukri Draman (2010), *op. cit.*, hlm. 67.

2.3.2 Dakwah Melalui Pendidikan

Pertubuhan-pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan di Malaysia menjadikan pendidikan sebagai satu sumber untuk berdakwah dalam kalangan Saudara Baru. Pelbagai program dan aktiviti pendidikan dikelolakan oleh jabatan-jabatan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, misalnya pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI) menyediakan kelas – kelas pengajian Islam seperti kelas fardu ain, al’ Quran, fiqh, tauhid dan sebagainya dan dibimbing oleh tenaga pengajar yang dibiayai oleh kerajaan. Kelas-kelas asas agama di PERKIM diadakan dalam bahasa Cina, Tamil, English dan Melayu.¹³³

Program pendidikan kepada Saudara Baru juga diadakan dalam bentuk ceramah agama, forum, diskusi ilmiah untuk peningkatan dan pemantapan ilmu Saudara Baru.

2.3.3 Dakwah melalui kebajikan

Pertubuhan-pertubuhan dakwah Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga memberi perhatian kepada soal kebajikan Saudara Baru. Misalnya PERKIM Kebangsaan yang menyalurkan bantuan kebajikan dapat meringankan beban tanggungan yang di tanggung oleh Saudara Baru. PERKIM kebangsaan memberi zakat kepada para Saudara Baru dan juga sering kali mengadakan aktiviti kunjung atau ziarah Saudara Baru di kediaman Saudara Baru.¹³⁴

¹³³ Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA Jln. Ipoh ,Kuala Lumpur jam 5.00 petang.

¹³⁴ Nur A’thiroh Masyaa’il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao, Dato’ Hj. Hasbullah L.Isa dan Dr. Fakrul Adabi Abdul Kadir. *Op.cit.*, hlm. 172

Selain itu, Hidayah Centre iaitu satu pusat perlindungan dan bimbingan Saudara Baru hasil inisiatif yang diambil oleh salah satu pertubuhan NGO iaitu Jamaah Islah Malaysia pada November 2005 juga banyak melakukan aktiviti-aktiviti khusus untuk Saudara Baru dalam usaha menyebarkan fitrah Islam serta memberi khidmat sokongan kepada mereka. Antara aktiviti tahunan yang dijalankan oleh Hidayah Centre adalah *Iftar Perdana* bersama Saudara Baru. Selain itu Hidayah Centre juga turut menyediakan rumah perlindungan yang lengkap, selamat dan mesra bagi mereka yang mempunyai masalah dengan keluarga, bimbingan bina diri, rohani dan agama, kemahiran seperti menjahit, memasak dan sebagainya serta kaunseling individu dan berkelompok.¹³⁵

2.3.4 Dakwah Melalui Penerbitan

PERKIM Kebangsaan dalam misi dakwahnya kepada masyarakat amnya dan saudara kita khususnya telah menerbitkan beberapa majalah seperti Suara PERKIM, Buletin PERKIM, *Islamic Herald*, Nur Islam dan dalam bentuk media elektronik seperti video dan audio berkaitan dengan dakwah Islam. Majalah-majalah ini menyediakan pelbagai ilmu pengetahuan berkenaan dengan ajaran Islam. Penerbitan ini juga dibuat dalam pelbagai bahasa, antaranya bahasa Melayu, English, Tamil dan Cina untuk memudahkan para pembaca daripada kalangan Saudara Baru¹³⁶

¹³⁵ <http://hidayahcentre.wordpress.com>, di layari pada 24 Julai 2012, 11:15 am.

¹³⁶ Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao, Dato' Hj. Hasbullah L.Isa dan Dr. Fakrul Adabi Abdul Kadir, *op.cit.*, hlm. 172

2.4 KEPENTINGAN MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB TERHADAP SAUDARA BARU

Tanggungjawab utama yang harus dilaksanakan oleh seseorang Muslim kepada Saudara Baru adalah memberi asas pengetahuan ajaran Islam. Selain itu, mereka juga memerlukan motivasi, sokongan dan semangat untuk menjalani kehidupan harian sebagai Muslim terutamanya dalam menghadapi cabaran-cabaran khususnya Saudara Baru yang telah dibuang keluarga kerana memeluk agama Islam.

Mohd Shukri Draman (2010) melalui hasil kajiannya menyatakan golongan Saudara Baru ini perlu diperkuatkan dengan pemahaman yang jelas terhadap Islam dengan kadar yang segera terutama yang melibatkan makna dan penghayatan terhadap Islam, iman dan ihsan. Menurut beliau lagi untuk terus menjinak dan mengekalkan golongan muallaf bersama Islam, menerima dan menghayati ajarannya, golongan yang berwajib yang diamanahkan dengan tugas khusus ini dan seluruh umat Islam amnya hendaklah memainkan peranan masing-masing. Antara tugas-tugasnya adalah membantu menguruskan keperluan kehidupan mereka yang mencakupi keperluan pengibadatan, kewangan, pendidikan, pekerjaan, tempat kediaman dan sebagainya¹³⁷.

Dr. Fariza Md Sham dan Anuar bin Puteh (2006) dalam kertas kerja yang bertajuk “Pendekatan Psikologi Dakwah Dalam Bimbingan Saudara Baru: Pengalaman di Malaysia”, menyimpulkan bahawa individu yang baru memeluk Islam biasanya menghadapi tahap dilema psikologi yang memerlukan pemahaman daripada masyarakat.

¹³⁷ Mohammad Shukri Draman (2010), *op. cit.*, hlm. 48.

Oleh yang demikian, dalam keadaan pelbagai cabaran yang dihadapi Saudara Baru, sekiranya keimanan tidak disemat dengan kukuh, ianya akan memberi kesan yang tidak baik sehingga membawa kepada pemesonan akidah dan kembali kepada cara hidup yang asal¹³⁸.

Yusri bin Abu (2004) dalam hasil kajiannya mendapati hanya 80.74% sahaja di kalangan Saudara Baru yang mengetahui prinsip- prinsip asas akidah umat Islam manakala di antara 44.4% sehingga 61.48% yang mengetahui perkara yang lebih khusus mengenai akidah khususnya berkaitan dengan alam ghaib¹³⁹. Justeru, menjadi tanggungjawab umat Islam khususnya untuk mendedahkan kepada Saudara Baru perkara-perkara tersebut dalam memastikan mereka kekal berada di landasan yang benar kerana akidah merupakan asas yang utama dalam kehidupan seseorang Muslim.

Dalam usaha membentuk akidah, umat Islam kini hendaklah memahami konsep dan strategi yang digunakan oleh Nabi Muhammad S.A.W semasa membentuk akidah dalam jiwa para sahabat baginda semasa berada di Madinah selepas hijrah dari tanah Mekah. Konsep dan strategi ini hendaklah digunakan untuk menjinakkan hati para Saudara Baru supaya pemahaman dan penerimaan akidah Islam kekal abadi dalam jiwa para Saudara Baru. Perkara ini adalah penting kerana penerimaan akidah Islam yang betul dan mantap akan mencorakkan kehidupan Saudara Baru sebagai seorang Muslim yang

¹³⁸ Dr. Fariza Md Sham dan Anuar bin Puteh (2006), "Pendekatan Psikologi Dakwah Dalam Bimbingan Saudara Baru: Pengalaman di Malaysia", Kertas Kerja Seminar Serantau Pemikiran Dakwah: Peranan dan Pengalaman. Anjuran Jabatan Usuluddin, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam. Brunei, 19-20 September, hlm. 6.

¹³⁹ Yusri bin Abu (2004), "Kefahaman Akidah Di Kalangan Saudara Baru: Suatu Kajian di Kuala Lumpur", Disertasi Sarjana Usuluddin, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, hlm. iii.

unggul dan berkesan di dunia dan akhirat. Malah para Saudara Baru yang menerima Islam juga boleh menjadi pendakwah, tenaga pengajar, Imam dan sebagainya jika diberi didikan agama Islam yang secukupnya. Perkara ini telah menjadi realiti kerana pada masa ini terdapat tokoh-tokoh agama Islam dari kalangan Saudara Baru ¹⁴⁰

2.5 KESIMPULAN

Hasil perbincangan dalam bab ini menunjukkan bahawa Saudara Baru atau mualaf merupakan golongan istimewa yang diiktiraf kedudukannya dalam agama Islam. Pemelukan mereka ke dalam agama Islam adalah melalui faktor-faktor yang pelbagai yang dialami secara berbeza antara individu terlibat. Bagi mereka yang memeluk Islam atas dasar kesedaran bahawa Islam adalah agama yang benar dan sah di sisi Allah S.W.T., maka golongan ini selalunya dapat melalui perjalanan dan cabaran kehidupan dengan hati terbuka serta sentiasa reda dengan apa sahaja yang berlaku pada diri mereka meskipun pahit untuk ditelan. Penerimaan hidayah oleh para Saudara Baru juga dikuatkan lagi dengan ayat-ayat al-Qur'an berkaitan dengannya.

Namun bagi sebahagian mualaf lain yang menjadikan faktor-faktor yang lebih bersifat keduniaan seperti soal perkahwinan, bantuan dan seumpamanya untuk pemelukan Islam tersebut, maka ada dalam kalangan mereka yang menghadapi masalah penerusan dalam kehidupan seharian dan menganggap cabaran hidup yang penuh ranjau dan duri ini sebagai sesuatu yang menyesak nafas mereka. Justeru, golongan

¹⁴⁰ Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

sebeginilah yang memerlukan perhatian yang lebih daripada masyarakat Islam, agensi-agensi kerajaan dan swasta yang berkecimpung dalam hal ehwal Saudara Baru bagi membantu mereka menghadapi realiti kehidupan. Bab yang seterusnya akan membicarakan latar belakang Saudara Baru di Kuala Lumpur dan permasalahan serta cabaran yang dihadapi oleh mereka.